

Newspaper

Berita Harian

Date

23 February 2016

Lima prinsip tunjangi dasar kepelbagaian biologi

BH-23/2/2016

» 17 matlamat disasar menjelang 2025 bagi laksana pembangunan lestari

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan yang disemak semula sebagai panduan kepada pengurusan kepelbagaian bio untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 ditunjangi lima prinsip bagi mencapai 17 matlamat yang disasar menjelang 2025.

Perdana Menteri berkata, semakan semula dasar 1998 itu menekankan kepentingan kelangsungan konservasi, penggunaan sumber yang konsisten dan perkongsian faedah kepelbagaian bio.

"Ia mempunyai matlamat dan tindakan yang sangat jelas oleh semua pihak berkepentingan untuk meneruskan ke-

langsungan pemuliharaan, penggunaan berterusan dan perkongsian faedah secara saksama.

Pembangunan lestari

"Dasar yang disemak semula ini menjadi pelengkap kepada kewajipan Malaysia di bawah Konvensyen Kepelbagaian Bio Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi melaksanakan matlamat pembangunan lestari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan antarabangsa Badan Penasihat Mengenai Kepelbagaian Bio dan Perkhidmatan Ekosistem (IPBES) Ke-4 di sini, semalam.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar serta Penasihat Sains kepada Perdana Menteri merangkap Pengerusi Pengasas IPBES, Prof Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid.

Persidangan kali keempat yang bermula semalam hingga Ahad ini dihadiri lebih 500 saintis terkemuka dunia dan pembuat dasar dari 125 negara.

Malaysia menjadi anggota IPBES sejak Disember 2012 dan memainkan peranan aktif se-



jak prapenubuhan IPBES dengan Zakri menjadi pengerusi pertama IPBES bagi tempoh 2013-2016.

Mesyuarat pertama IPBES diadakan di Bonn, Jerman dari 21 hingga 26 Januari 2013, diikuti Antalya, Turki (9-14 Disember 2013) dan ketiga sekali lagi di Bonn dari 12 hingga 17 Januari tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sentiasa berusaha mengimbangi antara kemajuan sosioekonomi dan kehidupan alam sekitar, terutama pemuliharaan kepelbagaian bio dan perkhidmatan ekosistem.

"Masih ada ruang untuk penambahbaikan. Sains boleh memberikan jawapan terhadap masalah berkaitan kemajuan mapan.

Cungkil kepakaran saintis

"Bagi tujuan itu kita perlu mencungkil kepakaran ahli sains untuk memberikan pilihan bagi membolehkan kumpulan pemimpin merumus da-

sar lebih baik," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha mengurangkan kemiskinan, Malaysia memperkenalkan skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956, memugar hutan untuk mewujudkan kebun kecil getah dan sawit untuk mereka yang tidak memiliki tanah.

"Sejak awal lagi, kerajaan kami sedar bahawa satu-satunya cara yang akan membolehkan rakyat membebaskan diri mereka daripada lingkaran kejam kemiskinan ialah melalui pembangunan secara terancang bagi memastikan kemajuan ekonomi bergerak seiring dengan pembangunan sosial," katanya.

Najib berkata, pembangunan melalui pembukaan tanah untuk pertanian, penempatan manusia, perindustrian dan pengangkutan, mempunyai kesan besar terhadap persekitaran alam semula jadi.

Sejajar dengan itu, katanya, Malaysia mengambil langkah untuk memulihara biodiversiti melalui inisiatif nasional dikenali sebagai 'Central Forest Spine' yang menghubungkan empat kompleks hutan utama, yang membentuk banjaran tulang belakang Semenanjung Malaysia.